

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	KOSMO
TARIKH	:	28/9/2019
JABATAN	:	JPSM
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>

Fokus isu alam sekitar kerana ia melibatkan kepentingan masyarakat awam

# SPRM pantau pembalakan haram

**KOTA KINABALU** – Kegiatan pembalakan dan per lombong haram di seluruh negara kini menjadi fokus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana isu yang melibatkan alam sekitar adalah isu kepertin awam dan perlu dibanteras habis-habisan.


“Oleh itu, kami sedang menyusun strategi yang melibatkan kaedah-kaedah yang lebih canggit disebarkan ada pelaku yang sudah terlahi selesa melakukan kegiatan tersebut kerana mereka mengetahui sistem yang kita ada,” kata Ketua Pesuruhjaya



LATHEEFA

SPRM, Lathieefa Koya. Beliau berkata demikian pada Majlis Dialog Ketua Pesuruhjaya SPRM Bersama Media Sabah di sini semalam. Turut hadir Presiden Persatuan Wartawan Sabah (SJA), Muguntan Yanar.

Lathieefa berkata, selain itu, SPRM kini akan lebih fokus untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab utamanya iaitu pencegahan rasuah. “Ramai tidak mengetahui bahawa tugas utama SPRM adalah pencegahan, namun SPRM kini lebih terkenal sebagai badan yang melakukan tangkapan dan reman. Sebenarnya dua pertiga dalam Akta SPRM adalah untuk tujuan pencegahan,” katanya.



KEGIATAN pembalakan dan per lombong haram di seluruh negara kini menjadi fokus SPRM kerana isu yang melibatkan kepentingan awam. – Gambar hiasan

Katanya, untuk usaha pencegahan, pihaknya akan mendatangi jabatan atau agensi kerajaan yang mempunyai masalah rasuah terlahi kerap. “Kami akan berjumpa mereka dan meminta maklumat bagaimana mereka melakukan kerja-kerja yang menjadi lubang rasuah. Sekiranya kami dapati ada perkara yang tidak betul, apa-apa arahan yang kami berikan wajib dipatuhi,” tambahnya. Sementara itu, mengulas mengenai syor SPRM sebelum ini yang mahu menempatkan pegawai

wai kanannya di pejabat menteri besar dan ketua menteri, Lathieefa berkata, cadangan itu diterima positif. “Kami cadangkan perkara itu sebagai satu usaha pencegahan demi memastikan tidak berlaku sebarang rasuah dan salah guna kuasa kerana di peringkat negeri mempunyai banyak potensi untuk melakukan rasuah dan salah guna kuasa,” katanya. Katanya, SPRM akan memilih beberapa pegawai kanannya untuk dicalonkan kepada ketua menteri atau menteri besar bagi ditempatkan di pejabat mereka. “Setakat ini, semua ketua menteri dan menteri besar menyambut baik usaha ini dan mereka akan umumkan sendiri sebarang pegawai kanan SPRM itu sudah ditempatkan di pejabat mereka,” katanya. – Bernama